

Di sebalik Rundingan Baling 1955

Kajian dapati pertemuan wakil kerajaan dan PKM hanya ada tawaran pengampunan kepada komunis

Oleh M Hifzuddin Ikhsan

hifzuddin@bh.com.my

Baling: Terma 'Rundingan Baling 1955' yang menjadi detik penting kepada kemerdekaan Tanah Melayu perlu disemak selepas kajian mendapati tiada rundingan berlaku antara kerajaan dan wakil Parti Komunis Malaya (PKM).

Peristiwa pada 28 dan 29 Disember 1955 itu membabitkan pertemuan antara wakil kerajaan antaranya Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Singapura, David Marshall dan Presiden MCA, Tun Tan Cheng Lock bersama wakil PKM antaranya Chin Peng dan Rashid Maidin.

Bagaimanapun sepanjang perjumpaan itu, Tunku lebih banyak bercakap mengenai tawaran pengampunan kepada pengganas komunis dan mengelak sebarang rundingan sehingga mencetuskan kemarahan Chin Peng apabila menyedari PKM tidak diberi sebarang pilihan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor (tengah) dan Dr Nor Ibrahim (kiri sekali) pada Majlis Pelancaran Buku 'Liku-Liku Pertemuan Baling' di Dewan Kenangan Tun Abdul Razak, Baling, baru-baru ini.



Pertemuan di Baling yang mempertemukan wakil kerajaan dengan PKM.



wakil PKM.

"Akhirnya buat julung kali, Baling dipilih menjadi lokasi pertemuan yang menarik perhatian antarabangsa kerana belum pernah berlaku perjumpaan rasmi antara komunis dan kerajaan di dunia ketika itu," katanya ketika Wacana 'Liku-Liku Pertemuan Baling

jumpan itu sebagai 'Baling Talks' maka adalah wajar terma 'rundingan' itu dilihat semula atau lebih tepat lagi sekiranya digunakan Pertemuan Baling 1955.

"Ini kerana dalam proses rundingan sepatutnya wujud elemen seperti tawaran, tawaran balas atau perbincangan, namun semua itu tidak berlaku

melalui siri keganasan, penghasutan dan sabotaj justeru rundingan ini sebenarnya membawa kepada hasrat kerajaan bagi mencapai penyatuan bangsa dalam menolak fahaman komunis.

"Penyatuan itu akhirnya berjaya menunjukkan kepada British bahawa ketiga-tiga bangsa utama sudah bersatu dan tidak ada sebab mengapa kemerdekaan tidak boleh diberikan kerana semua bangsa ini sudah menentang anasir yang sama.

"Bermula 1948 kita melihat komunis menyusup masuk ke dalam masyarakat melalui pelbagai cara sehingga British terpaksa membuka skim kampung baharu, sekatan, catuan dan perintah berkurung... namun tiga bangsa ini dengan tegas menolak fahaman itu," katanya.

Mengulas lanjut, Kasri berkata, Tunku berjaya memainkan peranan sebagai serampang dua mata iaitu memperkuatkan organisasi


Penulis buku 'Liku-Liku Perte-
muhan Baling', Mejar (B) Dr Nor Ibra-
him Sulaiman, menjelaskan sebelum
pertemuan di Baling, telah berlang-
sung Pilihan Raya Majlis Perundangan
Persekutuan Tanah Melayu yang
menyaksikan Parti Perikatan menang
besar dan Tunku dilantik sebagai
Ketua Menteri.

Katanya, antara manifesto Tunku
ketika pilihan raya itu adalah mem-
beri pengampunan kepada pengga-
nas komunis dengan syarat mereka
menyerah diri, dibicara dan kemudian
diberi pilihan sama ada pulang ke ne-
gara asal atau kekal di Tanah Melayu
dengan memberi sepenuh ketaatan.

"British bagaimanapun tidak
bersetuju dengan rancangan Tunku
ini kerana mereka menetapkan
syarat bahawa Tanah Melayu
hanya akan dibenarkan memer-
intah atau berkerajaan sendiri
selepas keadaan dalam negara
aman sepenuhnya dan tiada
darurat.

"Selaku Ketua Menteri yang
diberi kuasa, Tunku mendesak
mahu pengampunan diberi kepada
pengganas komunis kerana sadar
ia akan menjadi pintu ke arah
mempercepatkan kemerdekaan
Tanah Melayu selain mahu
pertemuan diadakan bersama

Dr Nor Ibrahim
Sulaiman
menunjukkan
bukunya yang
diterbitkan
Dewan Bahasa
dan Pustaka.



1955' yang ber-
langsung di Dewan
Kenangan Tun Abdul Razak, Baling,
baru-baru ini.

Detik bersejarah

Rundingan Baling 1955 menjadi
antara detik bersejarah buat negara
apabila ia berjaya membina keyaki-
nan bahawa rakyat Tanah Melayu
tidak akan terpengaruh dengan
fahaman komunis, sekali gus
membuktikan kemampuan Tunku
mentadbir negara.

Mengulas lanjut, Nor Ibrahim
berkata, hasil rujukannya ke atas
dokumen berkaitan perjumpaan
itu termasuk yang disimpan di
Arkib Nasional United Kingdom
mendapati pertemuan itu
dirujuk sebagai 'Baling
Talks'.

"Terjemahan lang-
sung rundingan ke
dalam bahasa Inggeris
sepatutnya adalah 'ne-
gotiation' tetapi dalam
kesemua dokumen
rasmi berkaitan tidak
menyatakan berlaku-
nya rundingan antara
Tunku dan Chin Peng.

"Malah, Tunku
dalam autobiografinya
sendiri merujuk per-

malah ia sendiri diakui Rashid Maidin
dalam bukunya bahawa pertemuan itu
lebih kepada untuk menekan PKM,"
katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Pendidikan dan
Bahasa, Universiti Utara Malaysia
(UUM), Prof Madya Dr Mohd Kasri
Saidon, berkata persoalan menge-
nai terma sama ada rundingan atau
pertemuan perlu dilihat pada intipati
sebenar perjumpaan berkenaan.

"Terma 'Baling Talks' digunakan
kerana perjumpaan itu hanya mem-
babitkan perbualan sahaja, tetapi
untuk dikatakan rundingan apa
sebenarnya yang dirunding antara
Tunku dan Chin Peng perlu dilihat.

"Sama ada sesuai atau tidak terma
rundingan atau pertemuan kita per-
lu mengkaji lebih lanjut perkara ini
dan merujuk kepada pakar sejarah
lain bagi menentukannya," katanya.

Jalan kemerdekaan

Bagaimanapun, beliau menegaskan
Rundingan Baling 1955 adalah
peristiwa penting yang perlu diang-
kat sebagai antara pembuka jalan
kepada proses kemerdekaan Tanah
Melayu yang akhirnya dicapai pada
31 Ogos 1957.

"Sebelum itu, kita perlu melihat
ancaman diberikan pihak komunis

masyarakat melalui perpaduan dan
menolak bagi memberi sebarang
pengiktirafan kepada PKM.

"Dalam sejarah, Rundingan Ba-
ling 1955 akan sentiasa dikenang
sebagai titik penyatuan kepada
rakyat menolak komunis dan titik
pemisah bahawa komunis tidak
dapat hidup bersama di Tanah
Melayu.

"Apabila darurat tamat pada
1960, komunis berundur tetapi
mereka masih cuba mengambil
beberapa kesempatan antaranya
ketika era konfrantasi Malaysia-
Indonesia dan perselisihan faham
antara kaum 1969 sebelum diikuti
era insurgensi sehingga 1989.

"Bagaimanapun ketika era
80-an, berlaku banyak perubahan
apabila geo politik dunia berubah,
generasi muda mahu pembangu-
nan maka komunisme menjadi
gerakan usang maka akhirnya
PKM meletak senjata sepenuhnya
melalui Perjanjian Hatyai 1989,"
katanya.

Bagaimanapun, Kasri menegaskan
walaupun PKM sudah lama
meletak senjata, namun fahaman
komunisme masih belum dapat dile-
nyapkan di negara ini dan kemung-
kinan fahaman itu datang dalam
bentuk baharu boleh berlaku.